

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN: Ufusari Borneo
SAB-A0198/12

TARIKH: 8/1/2012
M/S: (B5)

**IPS ziarah pusara budayawan
Datuk Haji
Shuhai bin Yussuf**



TARIKH 25 April 2012 akan datang genaplah tiga tahun pamitnya budayawan allahyarham Datuk Haji Shuhai bun Yussuf. Pada tahun ini kami mengenang allahyarham lebih awal iaitu pada jatuhnya tanggal 1 Januari, sempena ulangtahun kelahirannya. Jika setelah meninggalkan kami, ziarah kami di Dangau Budaya akan disambut oleh isterinya, Datin Hajah Ripah Julang, bagaimanapun Datin juga mengikut jejak allahyarham setahun kemudian meninggalkan Dangau Budaya dan anak-anak yang baik. Ikatan Penulis Sabah (IPS) diketuai Ahli Kehormatnya, Mohamed Haji Salleh telah mengadakan bacaan surah Yasin dan bacaan tahlil di majlis ringkas pada hari pertama tahun baru 2012. Seusai merafak doa agar roh allahyarham sentiasa dalam rahmat Ilahi, kami menziarahi pusara kedua-dua allahyarham Datuk dan Datin di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kuala Papar.

Bercerita sedikit latar allahyarham Datuk Haji Shuhai bun, ramai yang maklum kerana beliau merupakan budayawan dan sasterawan yang amat dikenali di Malaysia dan Brunei, dikenali ramai mahasiswa dan pengkaji budaya dan bagi kami yang akrab dengannya merasa tidak puas mendapatkan sebanyak mungkin ilmu yang dia miliki. Jika anda berkesempatan ziarah atau melawat Dangau Budaya (dahulu malah saat ini), pastinya akan melihat sendiri ribuan koleksi buku, majalah, keratan akhbar dan juga artifak-artifak seni dan budaya yang tidak tersimpan di mana-mana. Menurut anaknya, Cikgu Irman Haji Shuhai bun satu ketika Datuk Shuhai bun agak sukar



(Gambarkan) **ROMBONGAN IPS** mengadakan program ziarah ke pusara Allahyarham Datuk Haji Shuhai bun Yussuf.

(Gambar kiri) **IRZAN**, anak arwah Pak Shuhai bun sedang menjirus air mawar ke pusara arwah Pak Shuhai bun.

putus asa dan dalam keadaan apa sekali pun. Kami memang sentiasa mendengar setiap kalimah Allahyarham meski ada waktunya dalam ungkapan humornya yang sinis dan bermakna.

Hampir setiap tahun sejak tahun 2000, sempena hari kelahirannya tanggal 1 Januari, kami seperti biasa akan melawat beliau, mengunjungi Dangau Budaya untuk mengucapkan Selamat Hari Jadi. Dan seperti biasa beliau sentiasa memberikan fokus terhadap bahan-bahan budaya dan literasi sastera yang dimilikinya. Saat itulah saya merangkang sebuah puisi mengenai Dangau Budaya dan kehidupan budaya dan sastera di sebuah rumah yang tidak kelihatan jika melalui jalan raya utama Kota Kinabalu-Papar, tapi tetap tampak di mata sesiapa juga yang pernah berada di sana. Maka amat wajarlah sekiranya Dangau Budaya menjadi sebuah bangunan yang lain agar segala khazanah milik Datuk Haji Shuhai bun Yussuf dapat lebih terjaga, lebih dihargai; barangkali semacam sebuah muzium yang patut diperhatikan dengan serius oleh jabatan yang berkaitan. Ya, kita faham hanya orang yang tahu bagaimana mau memanfaatkan khazanah lama sahaja yang mampu melakukan sesuatu yang diperlukan. Bukan bergantung harap sangat kepada orang-

jug untuk menulis semula apabila telah meninggalkan lama dunia sastera kerana diriuhi oleh tugas sebagai pengurus budaya di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri. Namun benarlah bahawa kegigihan tidak mengenal erti putus asa, telah membayar makna kegigihannya. Buktiunya allahyarham masih boleh menulis karya sastera dengan baik malah mampu menyaingi penulis-penulis muda. Beliau masih mampu meraih Hadiah Sastera Sabah dan memenangi pelbagai peraduan menulis termasuklah Skrip Drama Pentas. Kami menyatakan kepada keluarganya bahawa allahyarham tidak pernah ‘mati’ di dunia sastera dan budaya, dalam dunia ‘seniman’ kami beliau masih ‘terus hidup’ malah saya merasakan bahawa allahyarham sentiasa berkata-kata, membisikkan di telinga dan kalbu kami untuk meneruskan perjuangan, menggerakkan bahtera sastera dengan siaga tanpa kenal erti

Watusar Borneo 8/1/2012 (BS)

orang besar semata-mata tetapi kita mempunyai jabatan yang khas untuk itu misalnya Jabatan Warisan Negara atau Jabatan Muzium Negeri dan malah Pejabat Daerah Papar saya fikir boleh mengenangkan perkara ini sekiranya kerajaan benar-benar prihatin terhadapnya. Cita-cita itu telah lama terakam, pernah dibuat tabungan, kempen dan kini cita-cita besar Allahyarham tersebut telah turut dibawa bersama dalam perjalannya yang lain. Apakah masih ada yang mahu ambil peduli?

Setelah allahyarham meninggalkan Dangau Budaya buat selama-lamanya, kita yakin artifak seni dan budaya yang ada akan terus terjaga. Allahyarham memilik keluarga besar yang amat memahami dunianya terutama anak-anaknya yang baik-baik itu. Dan saat ini saya jadi sebak dan amat merinduinya.

Dangau Seribu Makna (Budayawan Datuk Haji Shuaibun Yussuf)

kegembiraan apakah dapat kami beri kepada bapak ketika hayat masih hangat membarai semangat menyengat cita dan impian yang kian puncak saat kita berkata melerai sepi menanti hari demi hari membilang usia tua menggalas waras tokoh memanen jasa

di dangau seribu makna
memekar harum ilmu
tak pudar sebagai peribadi
perkasa
menangkap cekap warna pintar
tersimpan di celah debu
dan sarang laba-laba
rak-rak tua dan lembar-lembar
kain berbunga

kata bapak,
mengenali nurani pada segala
artifek tua, buku-buku berjilid
sempurna
gasng-gasing yang sering
menemukan gemilang purba
perdu budaya masih berakar
mekar
adalah nurani bapak
bersemi di dalam senyap
impian
dijulang sanjung
sambil di dalam lipatan akhbar
lama
bapak sisipkan tanda jati diri

kelana
potret yang menyanjung seni
ketimbang busananya
alangkah di tengah kamar tamu
terjepit perit kasih
bapak senandungkan riwayat
purba

sambil ratusan ilmuan datang
menemukan keajaiban dangau
mengkhabarkan dunia dan
anak-anak bangsa
memanjangkan perkenalan
tapi apakah kegembiraan
dapat kami hulur
buat bapak?

Dangau Budaya,
Kampung Pengalat Kecil,
Papar, Sabah.
15.1.2000

Artikel ditulis oleh **HASYUDA ABADI**,
Ketua Satu, Ikatan Penulis Sabah.